

Peraduan Drinho® Huat Together 2025

Saya ("Peserta") telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang tertakluk untuk menyertai Peraduan Huat Together 2025 ("Peraduan")

Terma dan Syarat

1. Peraduan ini terbuka untuk semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada Disember 2024), kecuali pekerja dan ahli keluarga terdekat Ace Canning Corporation Sdn. Bhd. ("Penganjur"), agensi promosi/pengiklanan/Perhubungan Awam dan syarikat sekutunya.
2. Tempoh Peraduan bermula dari 1 Disember 2024, 12.00 pagi hingga 16 Februari 2025, 11.59 malam ("Tempoh Peraduan").
3. Untuk menyertai Peraduan ini, peserta yang layak hendaklah melakukan perkara berikut:
 - a) Beli minima satu (1) karton Drinho® 4x6x250ml (Pelbagai) dalam satu resit semasa tempoh Peraduan
 - b) Imbas kod QR atau WhatsApp ke 012-301 7725



Ambil gambar resit yang jelas dengan butiran: Nama, NRIC

Contoh: Ong Ah Huat, 880808-08-8181

Produk yang turut serta adalah: -

1.	Teh Bunga Kekwa	8.	Perisa Blackcurrant
2.	Teh Bunga Kekwa dengan Kurma Manis	9.	Teh Ais Berperisa Limau
3.	Teh Bunga Kekwa dengan Madu	10.	Teh Ais Berperisa Pic
4.	Kundur	11.	Teh Hijau dengan Berperisa Jasmin
5.	Laici	12.	Susu Kacang Soya
6.	Oren	13.	Susu Soya Berperisa Jagung
7.	Mangga	14.	Tebu

4. Peserta akan menerima satu (1) penyertaan untuk pembelian minima satu (1) karton di dalam satu resit. Sekiranya Peserta membuat pembelian lebih daripada satu (1) karton di dalam satu resit, Peserta akan menerima maksima dua (2) penyertaan.
5. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan tetapi setiap pesanan WhatsApp mesti disertakan satu (1) resit/ inois yang lengkap ("Bukti Pembelian"). Peserta perlu

menyimpan Bukti Pembelian asal untuk tujuan pengesahan sekiranya mereka dipilih sebagai Finalis.

6. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang diubah, tidak lengkap, tidak boleh dibaca, penyertaan lambat, penyertaan dengan Bukti Pembelian yang tidak mencukupi atau tidak disertakan dengan Bukti Pembelian. Surat menyurat tidak akan dilayan.
7. Setiap Peserta berpeluang untuk memenangi:
 - a) Hadiah Utama x 1 pemenang - Wang Tunai bernilai RM118,000 **ATAU**
Hadiah Pertama x 1 pemenang - Wang Tunai bernilai RM8,888
 - b) Hadiah Kedua – x 5 pemenang – Wang Tunai bernilai RM1,888
 - a) Hadiah Mingguan (Minggu 1) x 11 pemenang/minggu x 1 minggu – Touch ‘n Go eWallet reload PIN bernilai RM88
 - b) Hadiah Mingguan (Minggu 2-11) x 12 pemenang/minggu x 10 minggu – Touch ‘n Go eWallet reload PIN bernilai RM88

Minggu	Tarikh	Jumlah Pemenang Mingguan
1	1 – 7 Disember 2024	11
2	8 – 14 Disember 2024	12
3	15 – 21 Disember 2024	12
4	22 – 28 Disember 2024	12
5	29 Disember 2024 – 4 Januari 2025	12
6	5 – 11 Januari 2025	12
7	12 – 18 Januari 2025	12
8	19 – 25 Januari 2025	12
9	26 Januari 2025 – 1 Februari 2025	12
10	2 – 8 Februari 2025	12
11	9 – 16 Februari 2025	12

8. Peserta boleh memenangi maksima satu (1) Hadiah Utama **ATAU** satu (1) Hadiah Pertama **ATAU** satu (1) Hadiah Kedua **DAN** satu (1) Hadiah Mingguan sahaja di dalam Peraduan ini.
9. Semua penyertaan yang layak akan tertakluk kepada proses pemilihan secara rawak melalui janaan komputer untuk pemilihan satu (1) Hadiah Utama **ATAU** Hadiah Pertama, lima (5) Hadiah Kedua dan seratus tiga puluh satu (131) Hadiah Mingguan (“Finalis yang disenarai pendek”). Keputusan dari proses pemilihan janaan komputer adalah muktamad dan surat menyurat tidak akan dilayan.
10. Finalis yang terpilih akan dihubungi melalui telefon mengikut informasi WhatsApp Peserta. Hanya 3 percubaan untuk menghubungi finalis melalui telefon dimana percubaan ke 2 dan 3 akan dilaksanakan dalam 24 jam selepas percubaan pertama dilakukan.
11. Finalis terpilih yang berjaya dihubungi perlu menjawab satu soalan mudah yang berkaitan dengan Peraduan. Sekiranya finalis tidak berjaya dihubungi, pihak Penganjur berhak untuk menghubungi finalis seterusnya dalam senarai hadiah masing-masing. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekalipun jika Finalis terpilih tidak dapat dihubungi.
12. Finalis terpilih perlu menghantar salinan NRIC dan Bukti Pembelian asal mereka untuk tujuan pengesahan ke **Peraduan Drinho® Huat Together 2025, No. 15, Blok B, Lot 756, Jalan Subang**

3, 47610 Subang Jaya, Selangor dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan melalui WhatsApp atau Hadiah akan dibatalkan.

13. Satu (1) Finalis perlu mengambil bahagian dalam acara Cabaran Akhir yang akan dianjurkan secara maya melalui aplikasi Skype/ Microsoft Teams untuk menentukan sama ada Finalis akan memenangi Hadiah Utama **ATAU** Hadiah Pertama. Sekiranya Finalis Cabaran Akhir tidak memenangi Hadiah Utama, Finalist Cabaran Akhir akan memenangi Hadiah Pertama dan Hadiah Utama akan dibatalkan.
14. Mengikut budi bicara secara mutlak, Pihak Penganjur berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan sebarang hadiah yang mempunyai nilai yang serupa. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, dikembalikan atau ditukar dalam bentuk lain atas apa-apa alasan pun. Nilai anggaran hadiah adalah benar semasa masa percetakan.
15. Kecuali untuk sebarang tanggungjawab yang tidak boleh dikecualikan oleh undang-undang, pihak Penganjur (termasuk pegawai, pekerja dan ejennya tidak bertanggungjawab dan tidak termasuk semua tanggungjawab (termasuk kecuaihan), untuk sebarang kecederaan diri; atau apa-apa kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan peluang); sama ada secara langsung, tidak langsung, khas atau terpengaruh, timbul dengan cara apa pun daripada:
 - a) sebarang masalah teknikal atau kerosakan peralatan (sama ada di bawah kawalan pihak Penganjur atau tidak)
 - b) sebarang kecurian, akses tanpa kebenaran atau gangguan pihak ketiga
 - c) sebarang tuntutan penyertaan atau hadiah yang lambat, hilang, diubah, rosak atau salah arah (sama ada selepas atau tidak diterima oleh pihak Penganjur) disebabkan di luar kawalan munasabah pihak Penganjur
 - d) sebarang perubahan nilai hadiah daripada yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini
 - e) sekiranya Peraduan dibatalkan atau ditangguhkan dengan alasan yang di luar kawalan munasabah pihak Penganjur
 - f) sebarang tanggungan cukai liabiliti ditanggung oleh Peserta
 - g) penggunaan hadiah
16. Pihak Penganjur berhak untuk menambah, mengubah, mengubahsuai Peraduan ini dan mekanik Peraduan dan bahan promosi yang berkaitan dengannya, dan/atau membatalkan atau menangguhkan Peraduan ini. Sekiranya terdapat pembaruan atau perubahan, syarat dan terma yang disemak akan disiarkan di www.acecanning.com .
17. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesalahan, peninggalan, gangguan, penghapusan, kecacatan, kelewatan, kegagalan dalam operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau pemusnahan, akses tanpa izin ke, atau perubahan, cara komunikasi, atau masalah atau kerosakan teknikal rangkaian atau talian telefon, laman web atau aplikasi apa pun, sistem dalam talian komputer, pelayan atau penyedia, peralatan komputer, sistem, radas, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan kemasukan kerana masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet dan / atau perkhidmatan telekomunikasi, yang digunakan berkaitan dengan Peraduan ini.
18. Pihak Penganjur mengumpulkan maklumat peribadi untuk mengadakan Peraduan ini dan mungkin, untuk tujuan ini, mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak ketiga (terletak di dalam dan di luar Malaysia), termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen, kontraktor, penyedia perkhidmatan, pembekal hadiah dan, mengikut keperluan, kepada pihak berkuasa Malaysia. Penyertaan adalah bergantung kepada penyediaan maklumat ini. Pihak Penganjur berhak menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan promosi, pemasaran, publisiti, penyelidikan dan tujuan profil, termasuk mengirimi pesanan elektronik atau menelefon peserta tanpa menetapkan jangka masa, kecuali disarankan. Peserta boleh menuntut permintaan untuk menarik diri, mengakses, mengemas kini

atau memberitulkan maklumat kepada pihak Penganjur. Semua penyertaan menjadi hak milik pihak Penganjur.

19. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta akan dianggap (i) telah memberikan persetujuan kepada pihak Penganjur dan/atau penaja (jika ada) untuk menggunakan maklumat Peserta yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada nama, rupa, gambar dan/atau suara (termasuk gambar, filem dan/atau rakaman yang sama) di mana-mana media untuk jangka masa yang tidak terhad tanpa imbuhan untuk tujuan mempromosikan Peraduan ini (termasuk apa-apa hasil), atau tujuan pengiklanan dan publisiti masa depan, kecuali diberitahu secara bertulis kepada pihak Penganjur di ace@canning.com; dan (ii) telah membaca dan memahami Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk terikat padanya.
20. Terma dan Syarat untuk Peraduan disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat terma yang tidak konsisten antara kedua-dua versi Terma dan Syarat, versi Bahasa Inggeris akan dipakai.

Untuk pertanyaan lebih lanjut mengenai Peraduan ini, sila layari <http://www.acecanning.com/> atau hubungi 012-301 7725, Isnin - Jumaat, 10 pagi - 5 petang tidak termasuk cuti umum.